

Ucapan Perasmian Sayap Wanita Pemuda dan Puteri UMNO oleh YB Datuk Seri Utama Mohamad Bin Hasan

Para perwakilan sekalian,

1. Saya sangat berbahagia dapat bersama dengan semua perwakilan Wanita, Pemuda dan Puteri pada pagi ini.
2. Dalam gawatnya pandemik ini, Allah SWT terus mengizinkan kita berhimpun untuk melangsungkan urusan parti dan negara.
3. Maka marilah kita memanjat setinggi-tinggi syukur dan pengEsaan kepada Allah SWT yang Maha Mengasihi dan yang Maha Mengetahui atas semua yang telah ia aturkan kepada kita.

Para perwakilan yang saya hormati,

4. Tahun ini genap 75 tahun usia UMNO. Tiada yang keramatnya UMNO ini tetapi yakinlah, orang Melayu dan Malaysia tidak boleh tidak mempunyai UMNO dalam persadanya.
5. Dalam usia yang sangat matang ini, insya-Allah UMNO akan terus mengemudi watan ini dengan sebaik-baiknya. Akan UMNO jaga tanahair ini dengan seelok-elok jagaan dan asuhan.
6. Tidak akan lupa kita pesan pendiri UMNO, Almarhum Dato' Onn Bin Jaafar. "Kita hendaklah mengesek biola dengan kuat akan lagu gesekan kita. Jangan sampai orang lain mengesek dan kita hanya menari sahaja menurut lagu gesekan".

Para perwakilan yang dikasihi;

7. Kita berhimpun pada kali ini dalam keadaan yang masih tidak menyenangkan. Pentas politik, persekitaran ekonomi dan kedudukan sosial bangsa Malaysia sedang berada pada saat genting dan getir.
8. Keadaan yang secara ringkasnya boleh digambarkan dengan istilah 'kerancuan' - iaitu satu situasi kucar kacir, terumbang ambing dan bercempera.
9. Wabak Covid-19 telah meletakkan keseluruhan negara dan rakyat dalam keadaan yang sangat sukar.
10. Dalam sekelip mata, kita kehilangan *status quo* sebagai negara membangun paling berjaya. Jumlah rakyat kita yang jatuh ke dalam kelompok miskin berlipat ganda.
11. Mereka yang hilang pekerjaan semakin tidak terhitung oleh angka.
12. Peniaga-peniaga kecil dan sederhana yang terpaksa menutup perniagaan, tidak pasti jika mereka akan berupaya beroperasi semula.
13. Golongan kelas menengah semakin mengecil. Anak-anak sekolah ketinggalan dalam pendidikan sehingga mewujudkan jurang yang ketara.
14. Universiti tidak dibuka. Mahasiswa kehilangan nikmat dan peluang menimba pengalaman hidup yang selayaknya mereka rasai.
15. Demokrasi negara ini juga semakin merosot. Ruang kebebasan bersuara semakin mengecil. Malah sering sahaja dikongkong. Parlimen sebagai entiti yang

mengangkat nilai sebenar demokrasi dilumpuhkan dan perlembagaan tidak dijunjung dengan luhur.

16. Ahli Parlimen memperjudikan mandat rakyat dengan sesuka hati demi kepentingan peribadi masing-masing.
17. Iklim politik kita seperti dilanda langkisau¹. Ramai yang sasau, ramai yang meracau.
18. Mereka melompat dari satu kolam ke kolam yang lain. Tanpa malu tanpa segan silu. Seakannya negara kita dalam tempoh pandemik ini, lebih memerlukan larangan rentas parti, berbanding larangan rentas negeri.
19. Semua ini sesungguhnya ujian besar dari Allah SWT. Namun, dalam setiap ujian yang diberikan, sabar dan tabah itu hanyalah sebahagian sahaja dari cara kita menghadapinya.
20. Sebahagian lagi mestilah diisi dengan kesungguhan dan ikhtiar untuk keluar dari kesukaran ini. Tawakal kita, pasrah dan reda kita, mesti selari dengan semangat dan usaha kita. Hanya dengan yang demikian, Insya-Allah, dampak pandemik ini dapat kita hadapi dengan baik.

Saudara dan saudari sekalian,

21. Kita mesti mengakui, sekali pun ada kelemahan di sana sini, wabak COVID-19 di negara kita sebenarnya masih terkawal jika dibandingkan dengan negara-negara luar.
22. Selama setahun, kita telah mengharunginya dengan baik melalui kepelbagaian intervensi pada setiap ruang dan dimensi.

¹ Angin deras, ribut dari pelbagai arah.

23. Seluruh warga Kementerian Kesihatan Malaysia, Polis Di Raja Malaysia, Angkatan Tentera dan semua kakitangan pelbagai agensi yang menjadi barisan hadapan, sangat komited dan profesional dalam menjalankan tanggungjawab mereka.
24. Kita sangat berterima kasih kepada mereka. Marilah kita semua memberikan satu penghargaan yang sangat ikhlas, mendalam dan tidak terhingga kepada mereka semua.

Para perwakilan yang saya hormati;

25. Perpaduan ummah telah menjadi terma yang begitu tular dan lumrah kebelakangan ini.
26. Semua pihak bercakap mengenainya. Seolah-olah ummah telah berpecah belah sehingga ke tahap yang sangat parah.
27. Saya mempunyai pandangan yang berbeza. Pada saya, kedudukan perpaduan orang Melayu tidaklah terlalu meruncing. Sesekali sudah pasti ada sedikit kocakan disana dan sini. Itu lumrah. Bumi mana tidak ditimpa hujan.
28. Tetapi secara umumnya, perpaduan orang Melayu sebenarnya semakin mengukuh. Semenjak UMNO dan PAS menerokai jalan perpaduan, orang Melayu dalam kedua-dua parti besar ini semakin erat dan akrab, sehingga membuahkan pelbagai kejayaan dalam beberapa PRK yang lepas. Kita leraikan pergeseran silam, kita bersatu atas nama Islam dan Melayu.
29. Namun, tentu sekali kita akan melihat perpecahan jika konsep perpaduan bangsa Melayu itu ditafsirkan dalam konteks politik semata-mata. Jadi, janganlah perpaduan

ummah itu, pada kita tidak lebih dari sekadar parti-parti Melayu duduk bersama dalam sebuah perikatan politik.

30. Tafsiran sebegini sangat cetek. Ini kerana, jumlah orang Melayu yang diwakili oleh kedua-dua parti besar Melayu sebenarnya hanyalah dalam lingkungan 4 juta sahaja.
31. Sedangkan, berbelas-belas juta lagi orang Melayu di luar sana yang tidak berparti, tidak menyertai UMNO dan PAS, apatah lagi PPBM. Namun mereka membentuk sebahagian besar ummah yang kita sebut-sebutkan ini.
32. Jadi, seruan kepada perpaduan ummah mestilah dibaca dalam konteks yang lebih besar. Ia mesti benar-benar bertujuan menyatukan semua orang Melayu. Merentas ideologi politik, merentas kepentingan kuasa dan merentas status sosial.
33. Ia mesti menjangkau laba politik dan tidak menjadi sekadar strategi untuk menang dalam pilihanraya. Sedangkan nasib dan masa depan ummah belum tentu akan dipedulikan selepas itu.
34. Atas dasar itu, saya ingin membuat penegasan penting. Bahawa sebagai gerakan yang telah lama memperjuangkan orang Melayu, iltizam UMNO terhadap kepentingan ummah jangan sesekali dipersoalkan.
35. UMNO telah lama merintis kesepakatan bangsa Melayu, merentas parti dan ideologi, semasa menentang Malayan Union.
36. UMNO telah terlebih dahulu menggembelng pelbagai usaha mengumpul dana, sokongan dan bantuan orang Melayu, Cina dan India bagi merunding dan menuntut kemerdekaan.

37. UMNO memeta, jalan perpaduan pelbagai pihak dan kaum, selepas berlakunya peristiwa 13 Mei dan memulihkan semula kestabilan politik di Malaysia.
38. Setelah diisytiharkan haram pada 1988, UMNO terus berupaya menyatu padukan Malaysia dengan sokongan pelbagai parti komponen. Malah masih terus memimpin Kerajaan.
39. Sewaktu peristiwa pemecatan Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1997, ramai orang Melayu marah dan menunjuk perasaan. Ramai yang turun ke jalan, menggila dan berdemonstrasi.
40. Namun, kerana matlamat yang jelas dan kerja keras, Alhamdulillah, UMNO terus menang dengan majoriti dua pertiga. Dan perkara itu berlaku kerana, UMNO mempunyai sokongan dan keyakinan pelbagai lapisan masyarakat untuk terus mengurus Malaysia.
41. Jangan kita lupa, dalam segala perselisihan yang pernah wujud, UMNO tetap menerima kembali Semangat 46 ke pangkuan perpaduan bangsa.
42. Dan bila UMNO gagal membentuk Kerajaan 3 tahun lalu, UMNO menghulur tangan perpaduan kepada PAS sehingga terbentuknya Muafakat Nasional.
43. Jadi, kepada pemimpin serpihan parti Melayu yang baru setahun jagung usianya, usahlah tuan-tuan berbicara tentang perpaduan ummah dengan UMNO. Bila tuan-tuan sendiri tidak punya sebarang rekod menyatu padukan bangsa Melayu dan rakyat Malaysia.
44. Jangan berbicara tentang perpaduan ummah dengan UMNO, kalau tuan-tuan sendiri berentap dengan mereka yang sebelum ini tuan-tuan peluk dan dakap mesra.

45. Jangan berbicara tentang perpaduan ummah dengan UMNO, kalau yang tuan-tuan tahu, hanyalah memancing dan mengutip sesiapa sahaja yang pantas meninggalkan perjuangan bangsa. Termasuklah mereka yang selama ini tidak berhenti-henti menghina dan merendah-rendahkan orang Melayu.
46. Mereka inilah yang sebenarnya anti perpaduan Melayu. Mereka tidak pernah memperjuangkan sebarang usaha perpaduan. Seinggalah apabila nyawa mereka seperti telur di hujung tanduk, kelangsungan parti mereka menjadi begitu getir, baharulah mereka mula tergagap-gagap bercakap tentang perpaduan bangsa.
47. Lebih menjelikkan, bila mereka yang meninggalkan PKR turut tidak malu mahu bercakap berkenaan perpaduan ummah. Sedangkan selama berpuluh-puluh tahun, perjuangan mereka tidak pernah sekali pun menjurus kepada kebaikan orang Melayu, apatah lagi perpaduan ummah.
48. Maka dengarlah wahai seluruh perwakilan UMNO dan bangsa Melayu. Saya tegaskan dengan setegas-tegasnya. Bahawa perpaduan bangsa Melayu, adalah cita-cita besar yang UMNO telah dan akan terus dukung dengan tegas dan setia.
49. Ia tidak akan kami lacurkan dalam matlamat politik yang sempit. Ia tidak akan kami leburkan dalam perlumbaan kuasa yang tidak cerdas.
50. Yang akan UMNO usahakan adalah, perpaduan seluruh bangsa Melayu. Yang berpolitik atau tidak, yang berparti atau tidak dan yang dalam kerajaan mahupun pembangkang. Semuanya akan kita pandang dan kita undang. Rukunnya hanya satu, iaitu Melayu!

51. Semua ini mesti kita jayakan dengan hanya satu tujuan. Iaitu demi membangunkan kebingkasan orang Melayu. Dan bukan untuk menyelamatkan mana-mana individu atau perikatan politik tertentu.
52. Dan saya tegaskan juga. Pada UMNO, perpaduan Melayu bukan sekadar mengukuhkan kedudukan bangsa Melayu, tetapi juga perpaduan nasional.
53. UMNO dan BN akan memperjuangkan perpaduan Melayu dan perpaduan nasional tanpa terpisah-pisah. Ia bergerak seiring dan akan saling diperkuat.
54. Alasannya mudah. Masa depan Malaysia tidak akan cerah dan mencukupi dengan jaminan perpaduan Melayu sahaja.
55. Tetapi, jaminan masa depan Malaysia yang baik, harus hadir bersama perpaduan semua kaum. Perpaduan yang saling berakar, mengukuh satu sama lain, demi Malaysia yang kita cintai.

Para perwakilan sekalian,

56. Dalam perhimpunan agung lepas, saya telah mengutarakan pandangan saya tentang '*The Era of Disruption*' dan bagaimana kita akan menghadapi '*Massive and Mega Disruption*' dalam setiap aspek kehidupan ekonomi, perniagaan, sosial dan politik.
57. Semuanya dipacu oleh perubahan sikap, gaya hidup dan pemikiran. Kerana lambakan maklumat yang luar biasa derasnya dek kemajuan teknologi yang kita nikmati pada hari ini.

58. Politik Malaysia juga tidak terkecuali. Apa yang kita lalui waktu ini, menunjukkan bahawa politik Malaysia telah sangat terusik atau '*Severely Disrupted*'.
59. Walau bagaimanapun, kecelaruan politik Malaysia tidak berlaku kerana ledakan teknologi dan maklumat. Tetapi ledakan nafsu serta kegilaan terhadap kuasa dan kedudukan. Sehingga melenyapkan segala sistem nilai, kompas moral dan prinsip murni yang selama ini memimpin kita dalam politik.
60. Realitinya, kita sedang melalui krisis politik yang tidak pernah kita lalui sebelum ini. Bahkan, tidak nampak tanda-tanda bahawa krisis politik kita akan berakhir segera.
61. Semua ini mengundang kebimbangan yang sangat mendalam.
62. **Pertama, dengan segala kegilaan yang kita lihat sekarang ini, apakah bentuk pengakhirannya?**
63. Kita hanya boleh meneka-neka. Apakah ada keuntungan dari semua ini kepada orang Melayu dan rakyat Malaysia? Dan jika pun ada sekelumit untung, sejauh mana dan setakat manakah ia akan bertahan?
64. **Kedua, tidakkah krisis politik yang kita hadapi ini, akan memudahkan kepercayaan rakyat terhadap gerakan politik dan budaya demokrasi?**
65. Sekarang ini rakyat sudah mual dan jelak dengan orang politik. Jangan sampai rakyat Malaysia hilang segala kepercayaan serta muak dengan semua kita. Sehingga mereka membuang terus apa-apa sahaja idealisme yang ada.

66. **Ketiga, apakah peranan UMNO dalam menghadapi krisis ini? Bagaimana UMNO mesti mengurus kecelaruan ini, sekali gus memastikan kita kembali, menjadi lebih kuat dan lebih berpengaruh seperti sebelumnya?**
67. Kita telah merasai peritnya kekalahan apabila tumbang dan ditolak semasa PRU 2018 yang lalu. Kita tidak mahu melaluinya sekali lagi.
68. Kita mesti menyegerakan pencarian solusi kepada semua kecelaruan ini, melalui strategi yang tuntas dengan kesungguhan yang mendalam daripada semua perwakilan.
69. Penyelesaian yang UMNO ketengahkan mestilah bukan sahaja untuk memulihkan kestabilan politik negara.
70. Yang lebih penting, ia mesti memastikan kita mampu mengembalikan kepercayaan rakyat dari pelbagai kaum terhadap UMNO. Untuk menjadi induk politik yang kuat, UMNO mesti diterima dan disokong oleh semua Melayu dan Bukan Melayu.

Para Perwakilan yang saya hormati sekalian;

71. Jika hari ini kita dilanda krisis dan kecelaruan daripada segenap sudut, maka percayalah bahawa pintu-pintu peluang juga, sebenarnya sedang terbuka luas.
72. Dalam erti kata lain, permasalahan politik yang Malaysia sedang lalui sekarang, turut membuka ruang dan peluang keemasan kepada UMNO. Cuma, kita mesti bijak untuk memanfaatkannya.
73. Rakyat telah menyaksikan kegagalan 22 bulan pemerintahan PH. Kini, rakyat sedang melihat pula

ketidakecekapan dan kelembapan PN menguruskan negara.

74. Walaupun UMNO adalah sebahagian dari Kerajaan PN, namun peranan UMNO sangat terpencil dan tidak dominan. Kita lebih duduk tunduk dari bangun menjadi induk. Ditambah pula dengan pendirian jelas, UMNO untuk tidak menyertai parti PN sejak awal dahulu.
75. Sedar atau tidak, senario-senario ini sebenarnya memberikan UMNO kesempatan unik untuk mengetengahkan semula BN sebagai Kerajaan pilihan rakyat. Sama ada dalam kalangan Melayu mahupun bukan Melayu.
76. Prestasi BN sebagai Kerajaan selama 60 tahun adalah jauh lebih baik dan lebih berjaya. Belum nampak sebarang petunjuk bahawa kerjasama politik seperti PH mahupun PN, mampu menterjemahkan formula BN yang kita laksanakan dulu.
77. Jadi, rakyat sebenarnya boleh diyakinkan, bahawa BN harus dikembalikan segera untuk memerintah demi kemakmuran Malaysia.
78. Kita bukan mahu mendabik dada, menyatakan hanya kita yang paling pandai, paling tahu semua perkara. Bukan itu maksud saya.
79. Cuma, BN yang diterajui oleh UMNO sebagai induk itu, ada kelebihanannya yang tersendiri, yang telah terbukti, malah yang cuba ditiru oleh orang lain tetapi gagal.
80. Punca kegagalan mereka sebenarnya ialah, meminggirkan UMNO sebagai parti terbesar Melayu.

81. Justeru, demi kestabilan politik di Malaysia, rakyat harus diyakinkan bahawa, tidak ada kerajaan yang akan stabil tanpa sokongan parti Melayu terbesar. Dan tidak ada parti Melayu yang mempunyai pengaruh dan kesederhanaan seperti UMNO.
82. Mungkin ramai yang menyoal. Bagaimana BN akan memerintah kalau hanya dengan empat parti komponen?
83. Jawapan saya mudah. UMNO dan BN ini adalah entiti politik. Ia hidup, dinamik dan progresif. Ia senantiasanya terbuka dengan segala rumus baharu dalam politik.
84. Ia bukan entiti pegun, yang tidak berevolusi. UMNO sedar bahawa perubahan itu adalah sesuatu yang tidak boleh dielakkan.
85. Maka demi masa depan Malaysia, UMNO melalui BN, wajib meneroka semua kemungkinan yang wujud untuk dimanfaatkan.
86. Jadi, berbekalkan keanjalan yang UMNO dan BN ada ini, ia memungkinkan kita untuk “**memeta pembaikan politik**”, atau “***political correctness***” yang baharu dan strategik.
87. Kenapa saya menganjurkan kesediaan untuk melakukan pembaikan politik atau *political correctness* ini?
88. **Pertama**, kerana kita sedang berada dalam era ‘disruption’ dan ‘*survival mode*’.
89. Era ini menuntut kita keluar dari zon selesa dan melepaskan diri dari sebarang kejumudan pendekatan politik, yang selama ini membelenggu kita.

90. Telah tiba masanya untuk UMNO meneroka, jalan progresif dengan memikirkan percaturan serta pembaikan politik yang lebih sesuai zaman.
91. **Kedua**, jika parti lain memilih meninggalkan UMNO dan BN, ia menandakan kita semakin menua dengan citra ketinggalan zaman. Maka kita harus meremajakan citra UMNO ini dengan menjadikan ia lebih baik dan bermutu.
92. **Dan ketiga** ada banyak cara dan jalan yang lebih baik untuk mencapai pembaikan politik ini. Sama sekali bukan dengan mengorbankan moral dalam berpolitik.
93. UMNO mesti memilih jalan yang lebih matang, unggul, diterima dan bermaruah. Jalan yang tidak membiarkan sesiapa berasa ditinggalkan, ditipu dan dikhianati.
94. Suka atau tidak, kita mesti mula menerima hakikat. Bahawa sekarang ini adalah zaman kebarangkalian dengan seribu kemungkinan. Akan sampai waktu UMNO, mesti meneroka pembaikan politik dengan terbuka dan berani.
95. Selagi mana yang demikian itu dapat menyumbang kepada penyelesaian kecelaruan politik di Malaysia tanpa menggadaikan perkara-perkara asas yang kita pegang dan perjuangkan.
96. Pendek kata, pembaikan politik yang ingin kita terokai dan pertimbangkan, mesti dipagar dengan nilai, prinsip dan syarat-syarat yang ketat.
97. **Satu, ia mesti menguntungkan UMNO, orang Melayu dan Islam.** Mesti. Tidak ada kompromi. Perjuangan dan kepentingan orang Melayu dan Islam tidak akan ditinggalkan dan dikompromikan oleh UMNO. Apa guna memegang kuasa kalau Melayu binasa. Apa guna bekerjasama kalau Melayu kekal di takuk lama.

98. **Dua, ia mesti melonjakkan UMNO menjadi induk dalam pemerintahan negara.** UMNO mesti memimpin segala bentuk perkongsian kuasa atau kerjasama politik untuk mengurus negara. Tiada pemerintahan, tanpa UMNO sebagai induk dan terajunya.
99. **Tiga, perbaikan politik ini mesti memberikan kestabilan politik yang lestari.** Bukannya sekadar sebuah kerjasama terdesak, yang bersifat menanggung di air keruh, dan dipenuhi dengan gunting dalam lipatan. Seheinggakan, segala prinsip dan pendirian, terpaksa digadaikan berkali-kali.
100. Kita tidak mahu ada lagi aktiviti kotor melelong ahli Parlimen. Tidak ada lagi ugut-mengugut. Tidak ada lagi senario mempergunakan darurat demi kelangsungan kuasa politik. Dan tidak ada lagi percaturan tidak bermoral, yang melingkupkan nilai dalam berpolitik dan amalan demokrasi.
101. UMNO melalui BN akan bekerjasama hanya dengan mereka yang berprinsip dan diterima rakyat.
102. **Empat, biar apa pun perbaikan politik yang kita mahu lakukan, ia mesti bersifat terang-kum dan menjadi wahana keadilan dan kebaikan untuk semua.** Orang Melayu, Bukan Melayu serta Malaysia.
103. UMNO akan menyantuni semua dan meneroka persefahaman dengan semua. Parti politik atau bukan parti politik, Kerajaan atau bukan kerajaan, rakyat biasa atau golongan pemodal, yang tua atau remaja. Semua harus menjadi pemegang taruh dalam perbaikan politik ini.
104. Ringkasnya, sebarang perbaikan politik yang kita mahu ikhtiarkan, mesti menjadikan UMNO sebagai teras,

Malaysia sebagai asas dan kestabilan politik sebagai matlamat, yang dipertahankan bersama, secara saksama.

105. **Jadi, bagaimana UMNO akan menguruskan pembaikan politik baharu ini?**
106. Satu perkara yang pasti, UMNO tidak akan terburu-buru. Membangun menjadi lebih baik, lebih bermutu dan lebih unggul tidak akan ada jalan pintas.
107. Kalau kita benar-benar mahu memeta satu pembaharuan politik, saya jamin pada semua, bahawa kepimpinan UMNO akan mengambil pendekatan berhati-hati, dengan perkiraan jangka masa panjang yang matang.
108. Ia akan berpandu nilai, mendapat dukungan akar umbi parti, terangkum dan tidak meminggirkan mana-mana pihak.
109. InsyaAllah, pembaikan politik yang UMNO usahakan akhirnya mesti menjadikan politik di Malaysia lebih baik. Dan dengan politik yang lebih baik ini, UMNO akan mengusahakan sebuah pemerintahan, yang berpotensi memulihkan Malaysia.

Para perwakilan yang saya hormati,

110. Berdasarkan apa yang telah saya ucapkan, sudah pasti ramai yang mula membuat perkiraan ataupun telahan. Adakah kita akan benar-benar membuat satu pembaikan politik yang baharu? Bilakah semua ini akan dimulakan? Siapa yang akan kita pilih untuk di dampingi?
111. Jawapan jujur saya, belum ada sebarang ketetapan. Semua ini masih kekal sebagai satu kemungkinan. Semuanya harus melihat kepada keperluan dan keadaan. Masa akan menentukan.

112. **Tetapi, yang boleh ditegaskan, semua keputusan dan tindakan dalam pembaikan politik ini, mesti diputuskan oleh semua dan bukan segelintir. Ia mesti disepakati dan bukan di paksa-paksa.**
113. Sebab UMNO ini bukan parti terdesak. Kita bukan mereka yang menjaja janji demi mengemis kuasa.
114. Kita akan kekal sebagai kita. Satu gerakan kebaikan, yang tidak akan berhenti memberi kebaikan kepada orang Melayu, orang Bukan Melayu dan tanah air Malaysia.
115. **Namun apa jua yang strategik kepada UMNO, yang diasaskan kepada nilai dan syarat, yang menguntungkan UMNO, Melayu dan Islam serta demi kepentingan Malaysia dan rakyatnya, setelah mendapat sokongan akar umbi UMNO, maka UMNO sangat bersedia untuk duduk berbincang, dan meneroka jalan, bagi menyelesaikan krisis politik negara.**
116. Yang penting, mana-mana pihak yang mahu bekerjasama dengan kita, mesti meyakini kemampuan UMNO, untuk menjadi pengemudi induk. Bukan pemain kedua, yang sekadar dikutip, untuk memenuhi kuota, atau bilangan kerusi yang diperlukan.
117. Tidak ada mana-mana pihak ataupun individu, yang boleh memberitahu, atau mengarahkan UMNO, tentang bagaimana dan dengan siapa, kita harus berunding untuk membentuk sebuah kerajaan.
118. Tetapi buat waktu ini, biarlah UMNO memilih, untuk memperlihatkan kekuatan sebenarnya, sebagai parti politik, dengan keunggulan tersendiri, tanpa mengorbankan kepentingan strategiknya.

119. Dan ini bermakna, UMNO tidak akan memperjudikan mana-mana kerusi UMNO. Kerusi UMNO adalah kerusi UMNO, dahulu, kini dan selamanya. Ia bukan untuk dilepaskan, demi memberi talian hayat kepada mana-mana pihak.
120. Jangan ada yang cuba untuk mengilas tangan UMNO. Kita tidak akan mengalah. Kita tidak akan melatah.
121. UMNO tidak akan terpedaya, dengan retorik kepentingan ummah, dan perpaduan Melayu, yang dibuat-buat.
122. Perpaduan ummah dan penyatuan Melayu, mesti dipimpin oleh UMNO. Ia bukan umpan undi yang ditabur oleh pendusta politik, yang bernaung dengan 'kuasa tanpa mandat' dan tanpa kekuatan sebenar.
123. Yang pasti, dalam hasrat kita untuk memimpin semula Malaysia, UMNO tidak akan mendesak sesiapa untuk menyertai BN.
124. Sebaliknya, kita akan menggunakan pendekatan "Bekerja dengan BN". Agar satu keampuhan politik, boleh dibentuk untuk mengurus negara selama 5 tahun mendatang, dengan stabil dan cemerlang.
125. "Bekerja dengan BN" akan menjadi slogan yang membuka pelbagai ruang, untuk UMNO meneroka pelbagai bentuk kerjasama strategik, tanpa perlu terikat dengan pelbagai konsensus politik, dan pensyaratan yang sempit dan merugikan.
126. Bukan struktur dan formaliti yang kita utamakan. Tetapi 'a working formula'.

Para perwakilan sekalian;

127. Adakah usaha pembaikan politik ini akan berjaya?
128. Persoalan sedemikian tidak perlu PUN untuk dijawab. Kerana tugas UMNO ialah untuk menjayakannya dengan sebaik mungkin. Bagaimana UMNO akan menjayakannya? Itu rahsia UMNO.
129. Yang pasti, kejayaan tidak akan tertunda, jika UMNO meletakkan sasaran dan fokus dengan sasaran tersebut.
130. Jika UMNO sebelum ini mampu memerdekakan tanah air dari penjajah, berupaya menjadikan Malaysia sebagai negara membangun paling berjaya, maka UMNO sudah pasti, lebih daripada layak, untuk mengepalai satu pembaikan baharu dalam politik Malaysia ini. Insya-Allah.

Para perwakilan yang saya hormati;

131. Perkara seterusnya yang saya ingin perkatkan pada pagi ini ialah, segala pembaikan politik ini, tidak akan berlaku tanpa kemenangan, dalam pilihanraya akan datang.
132. Ikhtiar membina semula Malaysia dan membaiki negara, atau '*the Remaking of Malaysia*' ini hanya akan berlaku, jika kemenangan berpihak kepada kita. Apabila kita berjaya memenangi PRU mendatang, barulah kita boleh menggerakkan misi, sebagai pembaik pulih politik baharu Malaysia.
133. Kerana itu, keutamaan UMNO sekarang ialah, memenangi pilihanraya. Kita buang ke laut segala perkara lain. Kita lupakan segala percaturan politik yang tidak bermanfaat dan tidak bermoral. Kita mara dengan cara kita.

134. Kita mesti bersedia, berhadapan dengan rakyat dan meyakinkan mereka, bahawa kita akan menjadi kerajaan yang stabil, terangkum dan berfungsi.
135. Oleh hal yang demikian, keutamaan kita adalah, mengusahakan persediaan yang mantap untuk menghadapi pilihanraya nanti.
136. Pesan saya kepada seluruh perwakilan yang hadir, PRU kali ini adalah ibu segala pertempuran, *'the mother of all battles'*.
137. Kenapa saya berkata sedemikian? Ada dua perkara yang menjadi sandaran saya.
138. **Pertama, ia adalah PRU untuk mengembalikan semula maruah UMNO yang tertewas dalam PRU lepas.**
139. Bangkit dari sebuah kekalahan bukan perkara yang mudah.
140. Ini adalah peluang terbaik untuk UMNO, mengembalikan wibawa dan harga dirinya sebagai parti induk orang Melayu.
141. **Kedua, ia adalah satu-satunya peluang terdekat dan terbesar untuk UMNO kembali menjadi Kerajaan dan mentadbir negara ini.**
142. Usah kita menunggu sepenggal dua lagi. UMNO mesti segera kembali menjadi Kerajaan dengan cara yang bermaruah, demokratik dan berdasarkan mandat sebenar rakyat.
143. Maka, pilihanraya ini adalah perkara yang sangat mustahak. Hanya dua kemungkinan yang ada.

144. Sama ada kita menang dan memerintah, atau kita sekali lagi menjadi pembangkang dan diperkotak-katikkan!
145. Yang pasti. Kita tiada Pelan B atau apa-apa pelan lain pada waktu ini. We must WIN.
146. Kita optimis untuk menang. Kita mesti memerintah semula. Dengan usaha dan aliran pemikiran sedemikian, Insyallah kita boleh dan akan menang.
147. Tetapi kemenangan, mesti diusahakan dengan sikap dan mentaliti yang betul untuk menang. Ia tidak akan datang bergolek. Oleh itu, pada perhimpunan kita kali ini, kita harus segera membicarakan tentang cara dan strategi kita untuk menang.
148. Yang pasti, untuk menang dalam PRU akan datang, ada beberapa perkara yang mesti kita fahami.
149. **Pertama, UMNO tidak boleh terkeliru tentang siapa musuh kita sebenarnya.**
150. Ini kerana menghadapi musuh yang nyata adalah lebih mudah, dari menentang musuh yang tersembunyi. Api dalam sekam sifatnya membakar lebih teruk, lebih sakit dan lebih memusnahkan.
151. UMNO sepatutnya sudah tahu siapa mereka, walaupun tanpa perlu untuk disebutkan di sini. Cuma, beringatlah, musuh kita amatlah licik dan sanggup berbuat apa sahaja untuk memusnahkan kita.
152. **Kedua, UMNO mesti menguruskan mereka yang berpura-pura mendukung UMNO tetapi jiwa mereka sebenarnya telah dibeli dengan murah sekali.**

153. Mereka ini masih memerlukan UMNO untuk bernaung, tetapi cinta dan hati mereka sudah kepada orang lain. Mereka telah digelapkan dengan kesenangan yang bersifat kebendaan. Pada mereka, UMNO tidak lebih dari sekadar tunggangan. Bila kuat, mereka dekat. Bila lemah, mereka mengalah.
154. Ingat, UMNO ini bukan dayus. Sesiapa yang curang dan khianat, wajar ditinggalkan selama-lamanya.
155. **Ketiga, UMNO mesti menegaskan kembali, bahawa sesiapa yang memusuhi orang Melayu dan Islam adalah musuh UMNO.**
156. Selagi mereka tidak melepasi batas ini, UMNO sangat terbuka untuk meneroka segala jalan kerjasama yang ditawarkan.
157. Namun, setakat mengenali musuh sahaja, tidak akan menjayakan UMNO dalam PRU akan datang.
158. Untuk menang, UMNO perlu kerja keras. Jangan lagi kita terlalu asyik dan fokus dengan perbincangan politik di media sosial seperti *Whatsapp* dan *Facebook*.
159. Perbahasan di media sosial tidak akan membawa UMNO ke mana-mana. Yang akan memenangkan kita ialah, dengan menyantuni isu, menyelesaikan permasalahan serta bebanan rakyat.
160. Santunilah semua anggota masyarakat. Pengundi dan bukan pengundi. Melayu dan bukan Melayu. Santuni semua. Kerana UMNO adalah parti khidmat dan amal bakti untuk semua.
161. Inilah sifir dan formula yang menjadikan kita pemerintah selama 60 tahun iaitu amal dan usaha kita.

162. Gandakan khidmat dan bakti kita. Lebih-lebih lagi dalam kegawatan ekonomi negara waktu ini.
163. Kepada ahli yang berada, berkorbanlah dengan berbahagi dan memberi kepada yang memerlukan. Kepada yang tidak berpeluang untuk memberi, hulurkan silaturahim dan keringat dalam kerja gotong royong kita kepada masyarakat.
164. Kepada Pergerakan Wanita dan Puteri, giatkan kunjungan kita kepada jiran dan tetangga demi ukhuwah dan setia kawan dalam bermasyarakat.
165. Kepada Pemuda, santuni semua anak muda di seluruh Malaysia, kerana mereka sangat memerlukan dukungan kita.
166. Saya faham. Semua ini sedikit sukar pada waktu ini, kerana kita bukan induk kepada Kerajaan yang memerintah. Tetapi kerja keras adalah nilai setia dan kasih kita pada parti dan bangsa.
167. Sesuaikanlah strategi kita dengan keadaan setempat. Parti kita adalah parti yang demokratik. Kita memberikan kepercayaan kepada setiap bahagian, merencanakan strategi pilihanraya mereka, mengikut keperluan bahagian yang mereka wakili.
168. Jangan tunggu kepimpinan atasan melakukannya. Lakukanlah apa yang terbaik untuk kepentingan setempat, kerana anda semua lebih tahu apa yang sesuai dan baik dalam kawasan masing-masing.
169. Strategi besar sebagai rujukan utama, akan dikongsikan oleh kepimpinan UMNO Pusat dari masa ke semasa.

170. Tetapi kita semua mesti mengambil langkah aktif dari sekarang. Kerana agenda perjuangan ini bukan calang-calang. Iaitu mengembalikan semula UMNO ke persada pemerintahan Malaysia.

Para perwakilan sekalian,

171. Akhir sekali, saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada kesatuan dalam UMNO dengan sebenar-benar kesatuan.

172. UMNO ini tidak boleh terpecah-pecah. Hentikan segala 'clustering' yang sangat tidak menguntungkan ini.

173. Demi masa depan UMNO, marilah kita kembali kepada tautan UMNO jua. Berkelahi di hujung batang, berbaik di pangkal padang. Biduk lalu, kiambang bertaut. Serumpun bak serai, sesusun bak sireh. InsyaAllah.

174. Saya ingatkan seawal-awalnya di sini. UMNO ini adalah jalan yang kita pilih dengan penuh sedar. Kita tidak dipaksa oleh sesiapa. Dan kita tidak memaksa sesiapa.

175. Jadi, di tangan kitalah segala-galanya terletak. Cuma, bersedialah. Jalan kita di hadapan pasti berliku. Akan ada ranjau, akan ada yang menghalang dan mengacau.

176. Akan ada ujian, akan ada kejian. Akan ada musuh dalam selimut. Akan ada gula menjerat semut.

177. Inilah yang dinamakan sunnah berjuang.

178. Kita jangan gentar. Tidak ada ikhtiar dan niat baik yang tewas pada kebatilan. Tidak ada usaha besar untuk bangsa dan agama yang berakhir dengan kegagalan.

179. Marilah kita bersama-sama memastikan kejayaan milik kita. Insya-Allah.

Nyior Gading Puncak Mahligai,
Buah Ketupat Berisi Inti,
Biar Daging Tulang Berkecai,
UMNO Diperjuang Sampai Mati.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Perhimpunan Agung Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO untuk tahun 2020.

Assalamualaikum.